



## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

*Department Of Veterinary Services*

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan  
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2  
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4  
62630 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000  
Faks : 603-8888 6021  
E-mel : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)  
Laman Web : [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

## SIARAN MEDIA

### SAMBUTAN HARI KEBAJIKAN HAIWAN 2024

### JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)

25 JULAI 2024

DI KAMPUNG AGONG, PENAGA, PULAU PINANG

**PUTRAJAYA**, 25 Julai- Pelbagai aktiviti menarik diadakan sempena Hari Kebajikan Haiwan Tahun 2024 (HKH2024) anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dengan kerjasama DVS Negeri Pulau Pinang, Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia, Murni Ekspo dan Kampung Agong.

Antaranya *Animal Welfare Fun Run*, reruai pameran kebajikan haiwan di PET EKSPO Penang, *Animal Welfare Fun Game*, pertandingan mewarna dan banyak lagi. Selain itu, dalam *Road to Hari Kebajikan Haiwan 2024* turut diadakan pengisian seperti pertandingan pidato sekolah menengah, pertandingan melukis doodle dan mewarna secara dalam talian serta pertandingan fotografi peringkat pelajar universiti.

Hari Kebajikan Haiwan diadakan bertujuan untuk mempromosikan kebajikan haiwan seterusnya meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung pemilikan haiwan bertanggungjawab, ehsan, kasih sayang dan keprihatinan terhadap haiwan.

“Haiwan Kita, Tanggungjawab Kita” telah dipilih sebagai tema sambutan Hari Kebajikan Haiwan pada tahun ini yang mana selari dengan tujuan sambutan seperti:

- a. Mempromosi kebajikan haiwan di Malaysia;

- b. Menjadikan pemilikan haiwan bertanggungjawab menjadi amalan setiap pemilik haiwan dalam masyarakat;
- c. Memupuk kesedaran awam kepada masyarakat Malaysia berhubung ehsan, kasih-sayang dan keprihatinan kepada haiwan;
- d. Memberi kefahaman kepada masyarakat tentang keperluan perundangan, peraturan dan garis panduan berhubung dengan haiwan bagi pematuhan kepada Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772]; dan
- e. Menyalurkan informasi mengenai perkhidmatan veterinar dan lain-lain agensi yang berkaitan kepada masyarakat.

DVS sentiasa komited melaksanakan hebahan dan inisiatif kepada orang awam dalam memupuk dan meningkatkan kesedaran berkaitan kebajikan haiwan di negara ini. Antaranya, DVS Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan hebahan menerusi pemasangan papan tanda di sekitar kawasan pasar awam di seluruh negeri serta penyampaian khutbah Jumaat yang menyentuh mengenai isu-isu berkaitan tanggungjawab serta belas ihsan sesama makhluk. DVS Negeri juga turut menganjurkan karnival kebajikan haiwan dalam usaha meningkatkan kesedaran awam berhubung kebajikan haiwan.

Selain itu, pada November 2023 juga, DVS Pulau Pinang juga melaksanakan kempen Kebajikan Haiwan dengan mengguna pakai perkhidmatan 5 buah bas Rapid yang melalui semua laluan di seluruh negeri ini dengan kekerapan sebanyak enam kali sehari agar hebahan dapat dibuat dengan lebih meluas, menyeluruh serta berkesan.

DVS ingin menegaskan bahawa kesedaran terhadap kebajikan haiwan adalah tanggungjawab bersama semua pihak dari pelbagai lapisan masyarakat. Perasaan

kasih, ehsan dan belas terhadap haiwan perlu dipupuk dari kecil lagi dan disokong dengan persekitaran yang cenderung dengan nilai-nilai yang sama.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi DVS ingin menasihatkan mana-mana individu atau persatuan berkaitan haiwan untuk menyalurkan terus aduan berhubung kebajikan haiwan kepada DVS melalui pautan sistem atas talian awa.dvs.gov.my (MyAnimalWelfare).

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)**  
**25 JULAI 2024**